



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU  
11 SEPTEMBER 2024



# Wajibkan pekerja asing carum KWSP pacu produktiviti ekonomi

• Bermula Julai 2024, pekerja asing diwajibkan mempunyai perlindungan di bawah skim keilangan sebagai tambahan kepada skim bencana pekerjaan PERKESO yang sudah diwajibkan sejak 2019

• KWSP bertanggungjawab menguruskan simpanan untuk hari tua pekerja melalui kaedah caruman wajib bulanan. Namun pekerja asing tidak diwajibkan menyertai skim ini, cuma digalakkan secara sukarela

Oleh Dr Zulkiply Omar  
bhrencana@bh.com.my



Felo Penyelidik Kanan,  
Social Welbeing Research  
Centre (SWRC), Universiti  
Malaya (UM)

**Keperluan** buruh asing kepada ekonomi negara tidak dapat dinafikan. Perkembangan ini didorong pertumbuhan penduduk perlahan berbanding keperluan tenaga buruh untuk aktiviti pengeluaran negara. Pada masa sama, penyerapan teknologi tinggi tidak berintensif buruh agak perlahan. Dalam pada itu, tahap ekonomi negara lebih tinggi berbanding negara serantau turut menjadi faktor pendorong kepada kemasukan pekerja asing.

Kekurangan penciptaan pekerjaan di negara asal berserta dengan upah lebih murah mendorong mereka berpindah mencari rezeki di

negara ini.

Banyak diperkatakan implikasi buruk-baik kemasukan pekerja asing terlampau ramal terhadap keadaan sosioekonomi negara. Antaranya, gangguan terhadap pasaran buruh negara dan penyerapan teknologi perlahan, seterusnya menjadi antara faktor menyumbangkan kepada pertumbuhan produktiviti perlahan.

Gangguan terhadap pasaran buruh mendorong kepada pelbagai isu seperti pengangguran siswazah, guna tenaga tidak penuh (underemployment) serta gaji dan upah rendah.

Terdapat juga masalah sosial dikaitkan pendatang asing. Namun, kehadiran pekerja asing menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi jangka pendek rancak.

Bagaimanapun, ada aspek yang kurang diberi perhatian berkaitan pekerja asing, iaitu perlindungan sosial. Secara umumnya, perlindungan sosial ialah sistem melindungi setiap individu daripada terdedah kepada risiko sepanjang hayat mereka.

Risiko utama adalah kemiskinan dalam konteks luas, iaitu multidimensi. Setiap individu boleh terdedah kepada kemiskinan di peringkat tertentu sepanjang hidup mereka.

Secara ringkasnya, sistem perlindungan sosial mampun bergantung kepada produktiviti buruh tinggi. Pada masa sama, sistem perlindungan sosial baik turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti.

Bermula Julai 2024, pekerja asing diwajibkan mempunyai perlindungan di bawah skim keilangan sebagai tambahan kepada skim bencana pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang sudah diwajibkan sejak 2019.

Kedua-dua skim ini memberi perlindungan terhadap bencana pekerjaan dan keilangan setara seperti diterima pekerja tempatan. Ini langkah baik sejajar Konvensyen Keselamatan Sosial Pertubuhan

Buruh Antarabangsa.

Ini bukan sahaja sebagai isyarat menghormati hak asasi manusia, malah menyumbangkan kepada peningkatan produktiviti ekonomi negara.

Selain perlindungan berkaitan risiko pekerjaan, pekerja juga perlu mempunyai sistem perlindungan untuk pendapatan hari tua atau lebih dikenali sebagai penenon.

Sebagai perbandingan, pekerja asing di Amerika Syarikat (AS) diwajibkan membayar cukai payroll. Sebahagian daripada cukai itu adalah sumbangan kepada perlindungan sosial dan insurans perubatan (Medicare) dikenali sebagai cukai Keselamatan Sosial (FICA). Majikan juga wajib membayar cukai payroll untuk pekerja mereka dengan kadar sama.

**Urus simpanan hari tua**

Di negara ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bertanggungjawab menguruskan simpanan untuk hari tua pekerja melalui kaedah caruman wajib bulanan. Namun pekerja asing tidak diwajibkan menyertai skim ini, cuma digalakkan secara sukarela.

Sekiranya mereka mengambil bahagian dalam skim ini, mereka perlu mencarum 11 peratus daripada gaji mereka setiap bulan dan majikan wajib menyumbang RM5 ringgit. Ini berbeza dengan pekerja tempatan wajib mencarum 11 peratus dari gaji bulanan mereka dan ditokok 13 peratus oleh majikan.

Perbezaan caruman KWSP antara pekerja tempatan dengan pekerja asing ini merugikan negara dari segi potensi pertumbuhan ekonomi, di samping isu hak asasi perlindungan sosial pekerja asing.

Caruman KWSP menjadi sumber tabung penting untuk negara. Tabungan pula menjana pelaburan atau pengumpulan modal untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran negara.

Jumlah tabungan dan seterusnya pelaburan modal negara akan meningkat jika pekerja asing diwajibkan mencarum dalam KWSP mengikut kadar sama seperti pekerja tempatan, iaitu masing-masing

13 peratus dan 11 peratus untuk majikan dan pekerja. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat lebih 1.4 juta pekerja asing di negara ini pada 2022.

Jika pekerja asing diwajibkan mencarum mengikut kadar seperti pekerja tempatan, sekurang-kurangnya RM6 bilion tabungan dapat dijana melalui KWSP. Ini tidak termasuk jumlah dijana melalui PERKESO.

Jumlah tabungan dijana melalui KWSP dan PERKESO boleh disalurkan untuk pelaburan, terutama membabitkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Pada masa sama, strategi pelaburan harus tertumpu kepada pengurangan keperluan tenaga buruh kurang berkemahiran tinggi. Ini seterusnya mampu meningkatkan permintaan untuk siswazah tempatan berkemahiran tinggi.

Pelaburan menyumbangkan cuma lebih kurang satu perlima daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Umpamanya pada 2023, sumbangan pelaburan kepada KDNK adalah 20.1 peratus, berbanding sumbangan penggunaan sebanyak 73.9 peratus. Struktur ekonomi negara akan menjadi lemah jika tidak ditangani dengan usaha meningkatkan pelaburan, terutama pelaburan domestik.

Caruman wajib KWSP terhadap pekerja asing juga berpotensi mengurangkan penghantaran wang keluar ke negara asal mereka. Ini kerana caruman wajib akan mengurangkan pendapatan boleh guna mereka.

Di samping itu, mereka juga berkemungkinan secara sengaja mengurangkan hantaran wang keluar kerana mempunyai tabungan KWSP boleh dikeluarkan jika mereka kembali ke negara asal secara kekal.

Bank Negara melaporkan jumlah penghantaran wang keluar sebanyak RM34.2 bilion pada 2023, berbanding RM28.5 bilion pada tahun sebelumnya dan RM22.9 bilion (2019). Ini menunjukkan peningkatan ketara walaupun jumlah pekerja asing menurun daripada 1.8 juta orang pada 2019 kepada 1.4 juta (2022).

Berkemungkinan jumlah penghantaran keluar akan berkurangan melalui tabungan wajib walaupun mereka mengekalkan corak perbelanjaan.

Terdapat persepsi mengatakan buruh asing bersaing dengan buruh tempatan mengundangi kepada peluang pekerjaan untuk warga tempatan terhad. Namun, terdapat kajian antara lain oleh Bank Dunia mengatakan pekerja asing memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan tidak bersaing dengan pekerja tempatan.

Walaupun, adalah baik sekiranya Malaysia dapat memaksimumkan manfaat pekerja asing untuk meningkatkan potensi pengeluaran negara supaya struktur ekonomi lebih bersedia untuk pertumbuhan jangka panjang lebih mampan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang  
Redaksi

Pengarang Kumpulan  
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN  
matzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan  
M THILLINADAN  
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital)  
ZAINUDIN MOHD ISA  
zainud@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)  
NAZARUDIN ABU BAKAR  
nazarudin@bh.com.my



|                   |                          |
|-------------------|--------------------------|
| <b>Akhbar</b>     | <b>The Sun Daily</b>     |
| <b>Tarikh</b>     | <b>11 September 2024</b> |
| <b>Ruang</b>      | <b>National</b>          |
| <b>Muka Surat</b> | <b>4</b>                 |



## TVET education opens job opportunities for youths

**LYON:** The field of Technical and Vocational Education and Training (TVET) can no longer be considered as a second chance for youths as it now promises significant job opportunities.

Skills Development Department director-general Zuleah Darsong said young people enrolling in TVET institutions have a great opportunity to achieve excellent careers and explore opportunities at the international level.

A total of 15 Malaysian youths would be showing off their skills in an international WorldSkills competition in Lyon, France that

started yesterday.

"We hope that youths participating in this competition will serve as examples for those who are pursuing skills education at public or private TVET institutions, as well as for students who will be entering TVET.

"TVET offers career opportunities, as long as they are genuinely interested in pursuing studies or training at TVET institutes. God willing, success will be with us."

Zuleah said the skills of youths are necessary for the country to progress in line with the current technological advancements.

"Participants were given the opportunity to hone their skills at a new workstation where they will be competing. They have shown a confident spirit and eager to begin their struggle," he said.

The competition, which will run until Sept 15, features 62 skill areas, with Malaysia participating in 14 fields including Robot System Integration, IT Software Solutions for Business, Heavy Vehicle Technology, and Digital Construction.

Malaysia aims to secure at least three medals in this edition of the competition. – Bernama